

Bahagian A

1. Apakah bidang ilmu yang membantu kita membuat penyelidikan tentang perubahan yang berlaku terhadap bumi? **SP2.1.1 TP2**

I Fizik

II Geologi

III Biologi

IV Epigrafi

A I dan II

C II dan III

B I dan IV

D III dan IV

2. Maklumat berikut merujuk kepada bentuk fizikal bumi. **SP2.1.1 TP2**

- Kawasan air masin.
- Meliputi 71 peratus bentuk muka bumi.

Apakah bentuk fizikal bumi tersebut?

A Teluk

C Sungai

B Selat

D Lautan

3. Antara berikut, yang manakah merupakan benua? **SP2.1.1 TP2**

A Asia

C Pasifik

B Artik

D Atlantik

4. Maklumat berikut merujuk kepada tahap dalam Zaman Air Batu. **SP2.1.2 TP3**

- Berlaku antara 23 juta hingga 5 juta tahun dahulu.
- Mamalia telah wujud dan berkembang di bumi.

Apakah tahap tersebut?

A Miosen

B Holosen

C Pliosen

D Pleistosen


5. Rajah berikut menunjukkan garis masa Zaman Air Batu. **SP2.1.3 TP3**



Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Jurasik	Pleistosen
B	Pliosen	Pleistosen
C	Paleolitik	Neolitik
D	Jurasik	Pleistosen

6. Haiwan berikut hidup pada 25 juta tahun dahulu. **SP2.1.3 TP2**



Apakah haiwan tersebut?

A Sloth

B Dipterus

C Diatryma

D Stegosaurus

7. Apakah ciri-ciri Zaman Air Batu Akhir? **SP2.1.4 TP2**

I Paras air laut rendah

II Pembentukan daratan

III Suhu dunia panas dan kering

IV Permukaan air laut membeku

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

8. Apakah kesan kecairan air batu?
A Paras air laut rendah **SP 2.1.5 TP 2**
B Peningkatan suhu bumi
C Pembentukan tasik air tawar
D Permukaan air laut membeku
9. Apakah kesan perubahan iklim kepada kehidupan manusia? **SP 2.1.5 TP 2**
I Kekal menetap
II Tinggal di tanah tinggi
III Berhijrah ke tempat baharu
IV Menyesuaikan dengan aktiviti harian

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
10. Apakah ciri-ciri manusia yang tinggal di rantau Asia Tenggara khususnya di Pentas Sunda? **SP 2.1.5 TP 2**
A Berbeza budaya
B Berpindah-randah
C Berkongsi bahasa yang sama
D Berubah menjadi masyarakat baharu